

Ahli Geng 08 diberkas

Sinar 31/7/12 MS 14.

Polis temui 143 gram heroin, senjata api bersama suspek

NORAIZURA AHMAD

SHAH ALAM - Seorang ahli kumpulan kongsi gelap 08 ditahan bersama sepasang suami isteri kerana memiliki dadah dan senjata api di Taman Bukit Pandan, Ampang Jaya, baru-baru ini.

Remaja lelaki berusia 18 tahun itu dipercayai menyewa bilik di rumah pasangan itu yang digunakan untuk membungkus dadah.

Dalam serbuan kira-kira jam 4.30 petang, polis menemui 143 gram dadah jenis heroin dan peralatan membungkus dadah dalam bilik remaja tersebut.

Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah berkata, polis turut menemui dua pucuk pistol jenis Smith & Wesson bersama 40 butir peluru dan 10 bilah parang di bilik berasingan dalam rumah tersebut pada serbuan empat hari lalu.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, suspek remaja tersebut memiliki logo Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang diubah suai serta diletakkan nombor 08 dan memaparkan slogan mereka iaitu 'Royal Zero One Organization' dalam telefon bimbitnya.

Beliau berkata, polis masih menyiasat penglibatan suspek dalam kumpulan kongsi gelap tersebut.

"Suspek remaja ini dipercayai aktif mengedar dadah di sekitar kawasan Ampang sejak enam bulan lalu, sementara pasangan suami isteri berusia 27 dan 28 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan.



Tun Hisan (tiga, kanan) menunjukkan parang yang dirampas daripada suspek.

"Ujian saringan air kencing mendapati suspek remaja positif dadah dan kesemua mereka tidak mempunyai rekod jenayah lampau," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, semalam.

Tun Hisan berkata, ketiga-tiga suspek ditahan reman sehingga 3 Ogos ini dan kes disiasat di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 7(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Menurutnya, polis akan menyiasat penglibatan ketiga-tiga suspek dalam kes jenayah kerana memiliki senjata berbahaya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai untuk memberi maklumat sekiranya melihat individu atau kumpulan membeli parang dalam kuantiti banyak bagi memudahkan pencegahan jenayah di peringkat awal.

Tun Hisan berkata, sejak awal tahun ini, 11,428 kes disiasat di bawah pelbagai seksyen Akta Dadah yang melibatkan tangkapan seramai 13,249 orang.

"Dibandingkan dengan tempoh sama tahun lalu, kes berkaitan dadah didapati meningkat 22.34 peratus dan tangkapan 15.06 peratus," katanya.